

17 MAY 2003

DR MAHATHIR HADIRI PERHIMPUNAN HARI PEKERJA 2003

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata setiap pekerja hendaklah bekerja secara berpasukan supaya sumbangan mereka dapat ditumpukan kepada pencapaian agenda pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata hanya dengan semangat berpasukan sahaja negara akan mampu bersaing dengan negara lain dalam era baru ekonomi antarabangsa.

"Kemunculan ekonomi baru yang disebabkan oleh globalisasi dan kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah proses dan cara kerja.

"Di samping itu, tiada individu yang berkemampuan menguruskan segala tugas kerana tiada siapa yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam semua bidang," katanya dalam kata-kata aluan buku cenderamata Perhimpunan Hari Pekerja 2003.

Perhimpunan Hari Pekerja 2003 bertemakan "Bersamamu Membina Daya Saing Negara" diadakan di Stadium Putra, Kompleks Bukit Jalil di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kemajuan ekonomi dan pembangunan negara banyak bergantung kepada kerjasama dan sokongan semua pihak.

Beliau berkata tenaga kerja sebagai tunggak pembangunan negara hendaklah sentiasa sihat, selamat dan produktif.

Katanya kerajaan sentiasa berusaha memperbaiki perlindungan sosial dan mempertingkatkan daya saing pekerja melalui program-program latihan dan keselamatan serta kesihatan pekerjaan bagi menangani cabaran globalisasi.

-- BERNAMA

HS KHY LAT